

BAB. VI

BAB. VI

PENUTUP

6.1. Kesimpulan

Antara takwil dengan tafsir memang jelas berbeza. Takwil bersifat umum sedangkan tafsir bersifat khusus. Setiap takwil adalah tafsir tetapi tidak setiap tafsir adalah takwil, kerana untuk mencapai takwil harus dicapai melalui proses tafsir terlebih dahulu. Takwil bukan sahaja mengeluarkan pemahaman setiap ayat daripada al-Qur'an al-Karim dengan bantuan hadith Nabi Muhammad s.a.w. meneliti makna setiap lafaz dengan bantuan syair-syair, kaedah bahasa Arab dan lain-lainnya, tetapi, memahami al-Qur'an dengan bantuan teknologi moden, bisikan batin dan hawa nafsu juga termasuk dalam kelompok takwil.

Pemahaman al-Qur'an dengan bantuan teknologi moden dan bisikan batin terutamanya takwil yang dilakukan oleh golongan sufi dan takwil al-Qur'an dengan bantuan hawa nafsu tidak dinamakan tafsir tetapi dinamakan takwil. Kalaulah pemahaman al-Qur'an dengan bantuan teknologi moden tersebut berjalan diatas jalur agama yang dibenarkan maka ianya termasuk dalam kelompok takwil yang baik, tetapi seandainya diluar jalur agama yang dibenarkan maka ianya termasuk takwil kedalam takwil tercela atau takwil yang buruk, termasuklah didalamnya takwil dengan bantuan bisikan batin.

Oleh kerana itu, takwil jenis yang terakhir ini ditolak oleh Imam al-Tabarī kerana takwil tersebut hanya berdasarkan kepada bisikan batin semata tanpa didasari dengan asas yang mantap dan disepakati oleh ramai ulama. Hal ini merupakan salah satu dasar intipati takwil Imam al-Tabarī yang akan menolak mana-mana takwil yang tidak berasas atau tidak berdasar sama sekali.

Dari hasil analisis data-data yang ada, pada hakikatnya pemikiran Imam al-Tabarī yang penulis huraikan pada bab keempat itu merujuk kepada satu pola berfikir atau satu dasar pokok iaitu “menolak sebarang takwil yang tidak berasas,” yang pada akhirnya membawa kerancakan dan komitmen beliau di dalam melakukan pentakwilan terhadap ayat-ayat al-Qur’ān. Tidak ada satu ayatpun daripada al-Qur’ān yang beliau takwil tidak berdasar atau dengan kata lain menggunakan kemampuan akal semata-mata.

Dengan alasan itulah beliau menolak hasil takwil daripada golongan Mu’tazilah, kerana golongan tersebut dalam mentakwil al-Qur’ān meletakkan kemampuan akal di atas nas, hadith Nabi Muḥammad s.a.w. atau kaedah bahasa yang mantap dan berlaku secara baik. Tidaklah hairan, jika di dalam kitabnya, beliau sering menolak, mengkritik dan bahkan bertentangan dengan takwil yang dibawakan oleh golongan tersebut.

Nasib yang sama juga di alami takwil yang di hasilkan oleh golongan sufi. Imam al-Tabarī menolak takwil yang dihasilkan oleh mereka, kerana takwil yang

dibawakan oleh golongan tersebut menurut beliau tidak berdasar sama sekali, ia hanya mendasarkan takwilnya hanya kepada bisikan atau suara hatinnya semata-mata tanpa merujuk kepada sebarang dasar sama ada al-Qur'ān, hadith Nabi, makna bahasa dan kaedahnya. Sehingga takwil yang dihasilkan oleh golongan tersebut selalunya keluar daripada jalur sebenar ajaran agama Islam. Tepat sekali apabila para ulama mengatakan, "di dalam kitab takwil Imam al-Tabarī kering daripada unsur-unsur takwil sufi."

Kesan daripada dasar tersebut, cukup dirasai juga sewaktu Imam al-Tabarī mentakwil ayat-ayat al-Qur'ān dengan bantuan hadith Nabi. Dengan bantuan dasar tersebut, beliau memasukan semua jenis dan macam hadith dengan melepas segala penamaan hadith yang selama ini dipegang teguh oleh para ulama, meskipun kandungan hadith yang dibawakan beliau itu terkadang mengandungi cerita *isrā' īliyyāt* yang *matan* hadithya bertentangan dengan ajaran sebenar Islam.

Sama juga ketika Imam al-Tabarī mentakwil dengan bantuan kaedah bahasa dan *qirā'ah*, sekalipun *qirā'ah* yang dipilihnya itu lemah. Tetapi, bukan itu yang hendak Imam al-Tabarī capai, tujuan pertama memasukan hadith atau *qirā'ah* yang lemah hanyalah semata-mata untuk mengangkat kekayaan makna setiap lafaz daripada al-Qur'ān al-Karīm.

6.2. Saranan

Metodologi pemikiran memainkan peranan penting dalam sebuah penulisan karya seseorang. Sebelum memberikan penilaian kepada sebuah karya, sebaiknya terlebih dahulu mempelajari metodologi pemikiran apa yang ia gunakan agar dalam memberikan penilaian tidak mengalami kesalahan. Hukuman yang diberikan oleh tokoh Islam terkemuka Mesir, Ahmad Amin terhadap kitab takwil “*Jāmi‘ al-Bayān ‘an Taw’il ay al-Qur’ān*” karangan Imam al-Tabarī penulis anggap kurang munasabah dan tidak tepat. Kalauolah Ahmad Amin bijak sedikit, tentulah akan merasa kagum terhadap karya beliau mengikuti jejak seorang orientalis terkemuka Barat seperti Ignaz Goldzier, Noldeke dan ulama Islam lain yang banyak memberikan pujian dan kekaguman mereka kepada karya Imam al-Tabarī tersebut.